



GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisyp: Bisyp Datuk Melder Jiki Tais

Rektor: Archdekan Moses Chin



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | cclikas@gmail.com

Minggu Sebelum Puasa - 11 Februari 2024

Doa Hari Ini

Tuhan yang penuh belas kasihan, berilah pengampunan dan damai sejahtera kepada umat-Mu yang setia, supaya kami disucikan daripada segala dosa kami, dan melayani Engkau dengan fikiran yang tenteram, melalui Yesus Kristus Tuhan kami. Amin.

Wishing you and
your loved ones
- a blessed
Chinese New
Year!

*Mengucapkan
berkat Tahun
Baru Cina
kepada anda
dan orang yang
anda kasihi.*

農曆
新年
感恩
崇
拜



Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.**:

- YouTube: [https://www.youtube.com/](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

[@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke dalam perkumpulan umat Tuhan.
Kita bersama-sama beribadah kepada Tuhan Yesus yang telah bangkit
dan mendorong satu sama lain untuk mentaati-Nya.

1. SELAMAT TAHUN BARU CINA

Kami mengucapkan 'Berkat Tahun Baru Cina' kepada anda semua. Semoga damai sejahtera Allah memelihara kita dan orang-orang yang kita kasihi dalam anugerah-Nya. Semoga kita juga dapat menikmati masa indah bersama keluarga dan rakan-rakan. Jamuan ringan dihidangkan selepas kebaktian. Ambillah peluang dalam kesempatan ini untuk saling mengucapkan berkat Tuhan untuk tahun baru ini.

- Sampul khas 'Angpow Kesyukuran' telah disediakan untuk kita menzahirkan rasa syukur atas segala berkat Tuhan. Semua sumbangan tertuju kepada 'Dana Kebajikan & Misi' kita. Bagi anda yang menggunakan perbankan dalam talian atau Boost, sila nyatakan 'Angpow' sebagai butiran.
- Pejabat gereja akan ditutup sehingga Selasa. Akan dibuka semula pada Rabu, 14 Feb.
- Sabtu ini, 17 Feb, Pavilion, 9:30 pagi - Persekutuan Evergreen akan merayakan Tahun Baru Cina dengan lagu-lagu pujian, pertunjukan, mesej dan makan tengah hari. Galakkan rakan-rakan senior berbahasa Cina atau Inggeris untuk sertai.
- Notis khas: mulai 3 Mac ini, setiap Ahad pertama setiap bulan, Kebaktian BC kita akan dijalankan dalam Bahasa Hakka.



2. HARI RABU ABU & PUASA

Rabu Abu menandakan permulaan Puasa. Orang Kristian telah bertahun-tahun menjalani ibadah dalam tempoh 40 hari untuk bersiap sedia memasuki Minggu Kudus dan Paskah. Semasa Puasa, penekanan adalah pada renungan, pertaubatan, dan, pembaharuan.

- Rabu ini, 14 Feb, 7:30 malam - Kebaktian Rabu Abu, di gereja. Kebaktian dijalankan dalam BM & BI. Namun diselitkan juga lagu-lagu dalam BC. Penandaan abu akan dilakukan.
- bermula Khamis, 15 Feb, berlanjutan pada setiap hari, dari Isnin-Jumaat, sepanjang Puasa, 12:00 tengah hari - 'Doa Harian Musim Puasa', di gereja & dalam talian (hibrid). Dijalankan dalam



bahasa Cina, Inggeris & Melayu - dipecahkan dalam ruang pertemuan yang berasingan. Dipanjangkan masa untuk berdoa. Anda juga boleh menghantar permintaan doa anda.
Zoom Meeting ID: [846 5515 2727](#) Passcode: 0224

3. 'UMAT KEPUNYAAN ALLAH SENDIRI'

Siri khutbah kita diteruskan:

- 7 Jan - Abraham: bapa
- 14 Jan - Ishak: Sang pengecut
- 21 Jan - *lawatan Archbisyp* - 'Kasihi Allah; kasihi sesamamu manusia'
- 28 Jan - Yakub: Sang penipu
- 4 Feb - Yusuf: Sang pemimpi
- **11 Feb, hari ini - Yusuf: Sang banduan**
- 18 Feb - Yusuf: Sang penyelamat



Carilah masa untuk membaca kitab Kejadian, terutamanya di fasal 12-50. Ia adalah suatu cerita yang berkesinambungan. Kiranya kita mendengarkan suara Tuhan.

4. INFORMASI BERITA DIOSIS

- 19-21 Feb - Retret pemimpin muda-mudi BC & BI, Kokol. 9 pemimpin muda-mudi dari gereja kita akan menyertainya.
- 26 Feb - Kebaktian Pentahbisan, Katedral All Saints. Pengumuman lengkap bagi 23 calon ada pada lampiran dan papan notis. Kita berdoa untuk St. John Perry, Elanor, dan keluarga.
- 27-29 Feb - Retret dan konferensi Paderi & Pastor Retreat, KK.
- 4-7 Mac - Konferensi Kanak-Kanak BC & BI, Christ Church Likas. Menyasarkan penyertaan 500 kanak-kanak. Daftar sekarang. Terbuka kepada semua anak-anak kita, dan rakan-rakan mereka. Terdapat bayaran yang dikenakan.

Sehingga kini, hampir 400 kanak-kanak telah mendaftar; 80 daripadanya adalah dari gereja kita. Berdoalah untuk pekerjaan Roh Kudus yang hebat.

Dalam pada itu, kami memerlukan ramai pelayan secara sukarela untuk membantu menjalankan acara tersebut. Jika anda boleh membantu, sila hubungi aunty Fen Fen, Lisa, atau pejabat gereja.

- 10-12 April - Konferensi Doa BM, Gereja St. Patrick, Tawau. Tema: Impak Penerobosan. Penceramah: Bishop Melter Tais, dan yang lain. Daftarlah sekarang.

UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN

RHB Bank | 2-10103-0001913-1

Christ Church Likas

Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



NOTA KHUTBAH

Petikan: kejadian 39:11-23 Tajuk: Yusuf – Sang Banduan

Pengenalan: Roma 8:38-39, Kejadian 37:20, Kejadian 37:28

Judul: Yusuf – Sang banduan yang menyaksikan hubungannya dengan Tuhan.

1. **Ketaatan Yusuf atas kepercayaan Potifar - Kej 39:1-6**
 - i. Tuhan menyertai Yusuf, ay2.
 - ii. Tuhan membuat berhasil segala sesuatu yang dikerjakannya, ay3.
 - iii. Tuhan memberkati rumah orang Mesir itu, ay5.
2. **Yusuf takut akan Allah - Kej 39:7-16**
 - i. Bagaimanakah mungkin aku melakukan kejahatan yang besar ini dan berbuat dosa terhadap Allah?, ay9.
3. **Kehidupan Yusuf di penjara - Kej 39:17-23**
 - i. Tuhan menyertai Yusuf, ay21.
 - ii. Apa yang dikerjakannya dibuat Tuhan berhasil, ay23.
4. **Yusuf menyaksikan kuasa Allah - Kej 40:6-23**
 - i. Bukankah Allah yang menerangkan arti mimpi?, ay8.
 - ii. Yusuf dilupakannya, berapa lama?, ay23.
5. **Yusuf diingati dan dikeluarkan dari penjara - Kej 41:1-14**
 - i. Setelah lewat dua tahun lamanya, ay1.
 - ii. Segeralah Yusuf dikeluarkan dari tutupan, ay14.

Penutup:

Yusuf bermimpi; banduan lain bermimpi; Firaun bermimpi.
Roma 8:38-39

UNTUK DIDOAKAN

Masyarakat kita yang tercinta

- berdoa untuk suasana perayaan yang aman, tenteram dan meriah
[agar komuniti kaum yang berbeza turut merasai kemeriahan sambutan]

Keluarga kita yang tercinta

- berdoa untuk rahmat Tuhan sambil mengadakan perayaan yang indah bersama keluarga dan rakan-rakan
[agar kita belajar untuk mengasihi, memaafkan dan memberi sokongan moral]

Diri sendiri

- berdoa agar percaya kepada Tuhan dengan segenap hati
[agar kita hidup dalam bimbingan Tuhan]

- berdoa untuk mereka yang dalam kelemahan tubuh, minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.

PENGUMUMAN

Dengan sukacita diumumkan bahawa saudara-saudara berikut telah menyerahkan diri untuk ditahbis menjadi **Deakon/ Paderi** oleh Bisyop Sabah.

A. Ditahbis menjadi Deakon

i) Stipendiary

1. Ev Isni Selamat of St. John's Mission, Penangah
2. Ps Elwin Saining of St. Paul's Church, Beaufort
3. Ps Victor Wong of All Saints' Cathedral, Kota Kinabalu
4. Ev Redlly Raji of Holy Cross Mission District, Kuala Sapi
5. Ps Stefanus Miskinan of St. Michael's Church, Sandakan

ii) Non-Stipendiary

1. Mr Peter Pisang of St. Michael's Church, Sandakan
2. Mr James @ Lusni Sanah of St. Michael's Church, Sandakan
3. Mr Mak Wai Ming of Faith Christian Centre, Petaling Jaya
4. Mr Widi Saradin of St. David's Church, Telupid

B. Ditahbis menjadi Paderi

Deacon Alex Sander bin Petrus Tonapa of Manggatal Anglican Church
Deacon Donny Monung @ Munong of Church of Holy Saviour, Labuan
Deacon Ferdenan Atonis of Church of Christ the King of Kings, Nunukan, Indonesia
Deacon Johnny Maling @ Stephen of St. Andrew's Church, Beluran
Deacon Matius Bin Mayokok of Church of the Holy Spirit, Kunak
Deacon Anzen Daud of St. Patrick's Church, Tawau
Deacon Richard Tai Shaw Jiun of St. Patrick's Church, Tawau
Deacon Samuel Mak Kim Vun of St. Patrick's Church, Tawau
Deacon Majelus Majar of St. Patrick's Church, Tawau
Deacon Pilin Bin Obit of St. Augustine, Merotai
Deacon Hezrick Molibung of St. James' Church, Kudat

ii) Non-Stipendiary

Deacon Voo Yun Lak of St. James' Church, Kudat
Deacon Jerome St. John Oliver Perry, Christ Church, Likas
Deacon Dr Moses Afful Jr, St. Patrick's Church, Tawau

Dengan ini notis dikeluarkan supaya jika ada yang mengetahui sebab atau halangan yang munasabah mengapa mereka tidak harus ditahbis menjadi sebagai Paderi/Deakon, dia hendaklah menyatakannya secara bertulis kepada Bisyop Sabah.

Notis ini dikeluarkan pertama kalinya pada **Ahad, 11 Februari 2024** dan seterusnya pada **Ahad, 18 Februari 2024**, dan **Ahad, 25 Februari 2024**.

Dalam Kristus Yesus,
The Right Reverend Datuk Melder J Tais
Bishop of Sabah